

DASAR LANDSKAP NEGARA 2.0



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN



Jabatan Landskap Negara
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

DASAR LANDSKAP NEGARA 2.0

ISBN 978-629-96919-2-1



9 786299 169192 11

DASAR LANDSKAP NEGARA 2.0

Diterbitkan oleh:

Jabatan Landskap Negara

Tingkat 7, 8, 9 & 10, Blok F10,

Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F,

Jalan Perdana Timur A, Presint 1,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62000 Putrajaya.

Tel : +603-80910500

Reka bentuk:

Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat (BDPK)

Dicetak oleh:

MHK REICH RESOURCES

No. 30, Jalan Desa Gombak 3,

Jalan Desa Gombak, Setapak,

53000, Kuala Lumpur.

Tel : +6018-9062331

© Jabatan Landskap Negara

Cetakan Pertama 2024

Hakcipta Terpelihara © Jabatan Landskap Negara.

Tiada mana-mana bahagian dokumen kompilasi ini boleh diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan, dijual atau diuruskan bagi tujuan komersil dalam apa bentuk sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada Jabatan Landskap Negara.

Salinan digital boleh diakses melalui



www.jln.gov.my



[jabatanlandskapnegara](https://www.facebook.com/jabatanlandskapnegara)



[LandskapNegara](https://www.instagram.com/LandskapNegara)



[LandskapNegara](https://www.tiktok.com/@LandskapNegara)



[LandskapNegara](https://www.youtube.com/@LandskapNegara)







“

**Dasar Landskap
Negara 2.0
(DLN 2.0) digubal
dengan matlamat
untuk menggariskan
hala tuju pembangunan
landskap ke arah
memperkukuhkan
Malaysia sebagai
sebuah negara
mampan**

YB NGA KOR MING
Menteri
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

”

Prakata

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Pembangunan mampan merupakan agenda berkepentingan tinggi bukan sahaja di negara kita Malaysia malah ia merupakan keazaman antarabangsa bagi memastikan kelangsungan pembangunan memenuhi keperluan semasa tanpa menjejaskan kemampuannya untuk memenuhi keperluan generasi akan datang. Pembangunan mampan dalam agenda Malaysia MADANI sesungguhnya menjadi tonggak utama Kerajaan. Kejayaan pembangunan fizikal negara yang diimbangi dengan pemuliharaan sumber semula jadi, pengukuhan ekonomi, peningkatan kualiti sosial dan kesejahteraan masyarakat adalah merupakan pengukur utama pencapaiannya.

Justeru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa komited untuk melaksanakan usaha-usaha pembangunan yang memberi manfaat kesejahteraan kepada rakyat Malaysia. Seajar itu, Dasar Landskap Negara 2.0 (DLN 2.0) digubal dengan matlamat untuk menggariskan hala tuju pembangunan landskap ke arah memperkukuhkan Malaysia sebagai sebuah negara mampan melalui penetapan Teras, Strategi dan Pelan Tindakan yang komprehensif, berkualiti dan holistik.

Penekanan tertumpu kepada pemantapan sektor industri landskap, pembangunan landskap dan keseimbangan biodiversiti sejajar dengan status negara sebagai antara 17 buah negara yang memiliki *Megadiverse Biodiversity* Dunia, peningkatkan tahap kesejahteraan masyarakat serta pengukuhan tatakelola dan tadbir urus landskap.

Pemakaian DLN 2.0 dalam tempoh masa 2025 sehingga 2035 menggantikan Dasar Landskap Negara (2010 – 2020) merupakan satu kesinambungan kepada usaha berterusan Kerajaan untuk dimanfaatkan secara optimum oleh semua pemegang taruh. Harapan saya agar DLN 2.0 menjadi wahana rujukan utama dalam memastikan pembangunan negara mampan dan penyatuan rakyat yang sejahtera pada masa hadapan di bawah payung Malaysia MADANI.

YB NGA KOR MING

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

”
**DLN 2.0 ini
disediakan selari
dengan iltizam
dan komitmen
Kerajaan dalam
menjadikan
Malaysia negara
mampan.**



**DATUK WIRA M NOOR
AZMAN BIN TAIB**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan



Perutusan

Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara telah berjaya menghasilkan Dasar Landskap Negara 2.0 (DLN 2.0) yang merupakan satu dokumen panduan dalam memperkasa kepentingan landskap sebagai pemacu baharu pembangunan ekonomi negara. DLN 2.0 ini disediakan selari dengan iltizam dan komitmen Kerajaan dalam menjadikan Malaysia negara mampan melalui pemantapan peranan dan fungsi landskap sebagai salah satu penyumbang kepada pengukuhan industri pembangunan, peningkatan kesejahteraan masyarakat melalui gaya hidup sihat, kemampuan alam sekitar dan keberkesanan pembangunan industri landskap negara.

Dalam pada itu, DLN 2.0 dirangka pelaksanaannya bagi tempoh 10 tahun iaitu dari tahun 2025 sehingga tahun 2035 yang dipacu oleh 5 Teras, 18 Strategi dan 47 Pelan Tindakan. Bagi mencapai sasaran ini, DLN 2.0

telah mengenal pasti pihak berkepentingan dan agensi-agensi pelaksana utama sebagai ejen penggerak dalam melaksanakan semua Strategi dan Pelan Tindakan yang telah digariskan.

Oleh yang demikian, Kerajaan mengalu-alukan kerjasama dan sokongan berterusan daripada semua pihak berkepentingan bagi pelaksanaannya secara holistik. Insyallah mudah-mudahan dengan kerjasama yang diberikan, dasar ini dapat dijadikan satu dokumen hala tuju pembangunan landskap yang terancang dan menyeluruh selari dengan Agenda Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

DATUK WIRA M NOOR AZMAN BIN TAIB

Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan
Tempatan



“

adalah diharapkan kesinambungan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mampan akan dapat dijadikan panduan dan rujukan oleh semua lapisan masyarakat dalam memperkukuhkan pembangunan landskap di seluruh negara.

**MANSOR BIN
MOHAMAD**
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara

”

Perutusan

Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Dasar Landskap Negara 2.0 telah berjaya digubal hasil kesepakatan semua pemegang taruh dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam memastikan masyarakat Malaysia hidup dalam persekitaran yang mampan selari dengan agenda nasional dan antarabangsa.

Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam misi untuk membangun dan menjadikan Malaysia negara mampan melalui pemantapan peranan dan fungsi landskap sebagai industri penyumbang ekonomi negara, peningkatan kesejahteraan masyarakat, kemampanan alam sekitar, pembudayaan gaya hidup landskap dan pemantapan keberkesanan perkhidmatan landskap negara.

Justeru, adalah diharapkan kesinambungan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mampan akan dapat dijadikan panduan dan rujukan oleh semua lapisan masyarakat dalam memperkukuhkan pembangunan landskap di seluruh negara.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan Dasar Landskap Negara 2.0 ini.

Sekian.

MANSOR BIN MOHAMAD

Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara





Senarai Singkatan

AGC	Jabatan Peguam Negara
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
DOA	Jabatan Pertanian Malaysia
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
FDS	Jabatan Perhutanan Sabah
FRIM	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
I-KPKT	Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan
ILAM	Institut Arkitek Landskap Malaysia
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JKR	Jabatan Kerja Raya
JKM	Jabatan Kemajuan Masyarakat
JKT	Jabatan Kerajaan Tempatan
JLN	Jabatan Landskap Negara
JMG	Jabatan Mineral dan Geosains
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPN	Jabatan Perumahan Negara
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JPSM	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
JSM	Jabatan Standard Malaysia
JWN	Jabatan Warisan Negara
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KKR	Kementerian Kerja Raya
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KPKM	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Senarai Singkatan

KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia
MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MITI	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
MPC	Perbadanan Produktiviti Malaysia
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
NADMA	Agensi Pengurusan Bencana Negara
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
NRES	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
PALMA	Persatuan Arkitek Landskap Malaysia
PArM	Persatuan Arborist Malaysia
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia
PETRA	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
PLANMalaysia	Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
PR1MA	Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia
PSAM	Pertubuhan Keselamatan Taman Permainan Malaysia
REHDA	Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia
SFD	Jabatan Hutan Sarawak
SIRIM	Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia

Isi Kandungan

BAB 1

PENGENALAN

Aspirasi Nasional	1-1
Keperluan Kesianambungan Dasar Landskap Negara	1-12
Isu dan Cabaran	1-13

BAB 2

RANGKA KERJA

DASAR LANDSKAP NEGARA 2.0

Penyataan Dasar	2-1
Prinsip DLN 2.0	2-2
Objektif DLN 2.0	2-3
Visi	2-4
Misi	2-4
Kerangka DLN 2.0	2-5

BAB 3

DASAR LANDSKAP NEGARA 2.0

Dasar Landskap Negara 2.0 (DLN 2.0)	3-1
--	-----

TERAS 1

Daya Saing Ekonomi Industri Landskap	3-4
• Strategi dan Pelan Tindakan	

TERAS 2

Pembangunan Landskap Mampan	3-14
• Strategi dan Pelan Tindakan	

TERAS 3

Landskap Pemangkin Kesejahteraan Masyarakat	3-24
• Strategi dan Pelan Tindakan	

TERAS 4

Pembudayaan Gaya Hidup Landskap	3-34
• Strategi dan Pelan Tindakan	

TERAS 5

Tadbir Urus Perkhidmatan Landskap Berkesan	3-42
• Strategi dan Pelan Tindakan	

BAB 4

TADBIR URUS DASAR LANDSKAP NEGARA 2.0

Bidang Kuasa Pelaksanaan	4-1
Pemantauan Dasar	4-3

BAB 5

RUMUSAN

Sasaran (Aspirasi DLN 2.0)	5-1
Kesimpulan	5-2

GLOSARI

PENGENALAN

- Aspirasi Nasional
- Keperluan Kesenambungan Dasar Landskap Negara
- Isu dan Cabaran



Aspirasi Nasional

Pelan Strategik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2021 – 2025), Dasar Perbandaran Negara 2, Dasar Komuniti Negara, Dasar Kebersihan Negara, Dasar Perubahan Iklim Negara, Dasar Pembangunan Luar Bandar, *New Urban Agenda* (NUA) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Bagi memastikan pembangunan landskap negara yang berpaksikan kemampanan sosial, ekonomi, alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat dapat direalisasikan dengan berkesan, Dasar Landskap Negara 2.0 (2025–2035) telah digubal sebagai dokumen hala tuju pembangunan landskap negara.

Justeru, kerjasama semua pihak khususnya agensi pelaksana yang telah disenaraikan dalam Pelan Tindakan Dasar Landskap Negara 2.0 adalah amat diharapkan. Kini, semua pihak perlu berganding bahu memastikan pembangunan landskap menyumbang secara optimum kepada kemampanan negara Malaysia demi mewujudkan negara yang madani dan sejahtera.

Perspektif Dasar dan Polisi dalam Pembentukan DLN 2.0



Malaysia MADANI

Kerangka Strategik Malaysia MADANI menekankan kepada kemampanan ekonomi negara, reformasi institusi dan tatakelola serta menegakkan keadilan sosial.

- **Teras Strategi 1**
Kemampanan ekonomi negara
- **Teras Strategi 2**
Reformasi institusi dan tatakelola
- **Teras Strategi 3**
Menegakkan keadilan sosial

DLN 2.0

DLN 2.0 menerapkan **nilai-nilai MADANI** dalam pembangunan negara yang mampan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.



Kajian Separuh Penggal RMKe-12 (KSP RMKe-12)

KSP RMKe-12 bertujuan untuk melonjakkan pembangunan sosioekonomi negara dengan memperkasa rakyat yang mencakupi aspirasi Malaysia MADANI melalui pelaksanaan tiga tema utama iaitu Menjana Semula Ekonomi, Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti serta Melonjakkan Kemampanan.

- **Bab 2**
Mempertingkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam
- **Bab 5**
Menuju ke arah wilayah yang seimbang
- **Bab 6**
Membangunkan masyarakat inklusif dan lebih berdaya tahan
- **Bab 7**
Meningkatkan perpaduan, pertahanan, keselamatan dan kesejahteraan
- **Bab 8**
Melonjakkan kemampanan

DLN 2.0

DLN 2.0 mengandungi inisiatif utama bagi menyokong usaha untuk menjadi **peneraju ekonomi Asia melalui peningkatan daya saing pelaburan industri landskap, usaha pembangunan mampan dan kesejahteraan masyarakat.**

Perspektif Dasar dan Polisi dalam Pembentukan DLN 2.0



Pelan Strategik KPKT 2021-2025

Pelan Strategik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2021-2025 (Pindaan 2023) telah dibangunkan dengan berpaksikan tujuh (7) Bidang Fokus Utama Kementerian untuk merealisasikan kemakmuran bersama melalui perumahan yang berdaya huni, perkhidmatan perbandaran yang mampan dan perkhidmatan kebombaanan yang efektif.

Teras 4

Menyediakan persekitaran Malaysia yang bersih dan mampan.

DLN 2.0

DLN 2.0 telah dirangka dengan mengambil kira **keperluan dalam pembangunan mampan**, terutamanya untuk meningkatkan penyediaan kawasan hijau dan pengkalan sumber landskap semula jadi negara bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat.



Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN2)

Dasar Perbandaran Negara 2 (DPN 2) bertujuan untuk memastikan pembangunan bandar dirancang dengan harmoni di peringkat negara mahupun peringkat negeri. Keperluan DLN 2.0 ialah untuk memandu dan menyelaraskan perancangan dan pembangunan perbandaran yang mampan dengan penekanan terhadap keseimbangan pembangunan fizikal, alam sekitar, sosial dan ekonomi negara.

Prinsip 2

Bandar yang berdaya huni

Prinsip 4

Pembangunan bandar yang inklusif dan saksama

Prinsip 5

Pembangunan hijau dan persekitaran bersih

DLN 2.0

Selaras dengan DPN 2, **keterangkuman pembangunan bandar yang mampan** merupakan aspek penting yang ditekankan dalam DLN 2.0. Beberapa inisiatif diujarkannya bagi memastikan **keseimbangan pembangunan fizikal** terutamanya di kawasan bandar.

Perspektif Dasar dan Polisi dalam Pembentukan DLN 2.0



Dasar Komuniti Negara (DKN)

Fokus utama Dasar Komuniti Negara (DKN) adalah untuk membangunkan komuniti secara inklusif demi mencapai kesejahteraan hidup. Kluster yang mempunyai perkaitan ialah:

Kluster 8

Sukan dan rekreasi (Kemudahan rekreasi, aktiviti dan kerjasama strategik)

DLN 2.0

Fokus utama berhubung dengan penyediaan keperluan kemudahan rekreasi bagi mencapai kesejahteraan masyarakat. Inisiatif pendekatan landskap telah digariskan bagi meningkatkan **keselamatan, kesihatan dan kualiti persekitaran kehidupan serta membantu ekonomi setempat untuk mengurangkan kadar kemiskinan.**



Dasar Kebersihan Negara

Dasar Kebersihan Negara (DKN) bertujuan untuk meningkatkan kebersihan persekitaran dan kelestarian alam sekitar serta meningkatkan kesedaran pembudayaan amalan kelestarian.

Kluster 2

Kelestarian alam sekitar

DLN 2.0

DLN 2.0 menyokong usaha meningkatkan kebersihan persekitaran dan kelestarian alam sekitar melalui **pembudayaan gaya hidup landskap.**

Perspektif Dasar dan Polisi dalam Pembentukan DLN 2.0



Dasar Perubahan Iklim Negara (DPIN)

Dasar Perubahan Iklim Negara (DPIN) digubal berdasarkan prinsip pembangunan secara lestari, pemuliharaan alam sekitar dan sumber asli serta pelaksanaan secara bersepadu dengan mengambil kira isu perubahan iklim.

Teras strategik ST2-P1

Merangka pembangunan yang berdaya tahan perubahan iklim melalui ekonomi rendah karbon bagi meningkatkan daya saing global dan mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang lestari.

Teras strategik ST4-P2

Menerap langkah-langkah adaptasi dan mitigasi secara seimbang untuk mengukuhkan pemuliharaan alam sekitar dan menggalakkan kelestarian sumber asli.

DLN 2.0

DLN 2.0 memfokuskan ke arah **pemeliharaan dan pemuliharaan sumber landskap semula jadi sebagai aset negara bagi menangani isu perubahan iklim.**



Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB)

Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) bertujuan untuk memastikan masyarakat luar bandar mempunyai akses kepada infrastruktur dan kemudahan sosial. Teras yang terlibat ialah:

Teras 7

Kehidupan luar bandar yang sejahtera

Teras 9

Biodiversiti dan alam sekitar

DLN 2.0

DLN 2.0 turut memperluas **jaringan pembangunan landskap di kawasan luar bandar bagi memenuhi keperluan kawasan lapang dan rekreasi masyarakat setempat.**

Perspektif Dasar dan Polisi dalam Pembentukan DLN 2.0



New Urban Agenda (NUA)

Agenda Perbandaran Baharu merupakan wawasan bersama yang menggariskan pengurusan bandar-bandar pada masa akan datang secara holistik dan mampan.

- Menyediakan perkhidmatan asas untuk semua rakyat
- Memastikan semua rakyat mempunyai akses kepada peluang yang sama dan tidak menghadapi diskriminasi
- Menggalakkan langkah yang menyokong bandar yang lebih bersih
- Memperkukuh daya tahan bandar untuk mengurangkan risiko dan kesan bencana
- Mengambil tindakan untuk menangani perubahan iklim dengan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau
- Meningkatkan ketersambungan dan menyokong inisiatif inovatif dan hijau
- Mempromosikan ruang awam yang selamat, mudah akses dan hijau

DLN 2.0

DLN 2.0 mengandungi inisiatif utama untuk **memperkukuh daya tahan bandar, menangani perubahan iklim, membentuk persekitaran bersih dan mempromosikan ruang awam yang selamat, mudah akses serta hijau.**



Perspektif Dasar dan Polisi dalam Pembentukan DLN 2.0



Agenda Pembangunan Mampan *Sustainable Development Goals (SDGs)*

Matlamat Pembangunan Mampan telah dijadikan sebagai komitmen dan rangka tindakan untuk mencapai pembangunan mampan, berdaya tahan dan inklusif yang merangkumi ekonomi, sosial, politik dan alam sekitar. DLN 2.0 telah dirangka supaya dapat menyumbang ke arah lapan (8) matlamat SDGs yang telah dikenal pasti seperti berikut:



Matlamat 2 : Kelaparan Sifar

Landskap mampu menyumbang kepada keterjaminan makanan melalui pelaksanaan program pertanian bandar/kebun komuniti.

DLN 2.0

DLN 2.0 menyokong agenda utama bagi mencapai kelaparan sifar di mana landskap mampu menjadi salah satu **penyumbang inisiatif melalui pelaksanaan program pertanian bandar/kebun komuniti.**



Matlamat 3 : Kesihatan yang Baik & Kesejahteraan

Persekitaran hijau dengan kemudahan rekreasi yang lengkap dan selamat membentuk gaya hidup sihat.

DLN 2.0

DLN 2.0 menyokong keperluan untuk menggalakkan **kehidupan yang sihat dan kesejahteraan masyarakat** melalui inisiatif penyediaan persekitaran hijau dengan kemudahan rekreasi lengkap dan mudah sampai. Inisiatif ini secara langsung dapat membentuk gaya hidup landskap.

Perspektif Dasar dan Polisi dalam Pembentukan DLN 2.0



Agenda Pembangunan Mampan *Sustainable Development Goals (SDGs)*




Matlamat 6 :
Air Bersih dan Sanitasi

Pemeliharaan landskap semula jadi mampu menjaga kepentingan ekosistem sumber air.

DLN 2.0

DLN 2.0 akan menyumbang ke arah matlamat ini dengan **pemeliharaan dan pemuliharaan landskap semula jadi** yang mampu menjaga kepentingan ekosistem sumber air.



Matlamat 8 :
Pekerjaan yang Sesuai dan Pertumbuhan Ekonomi

Pembangunan industri dan modal insan berkaitan landskap membantu kemampanan ekonomi serta mewujudkan peluang kerjaya.

DLN 2.0

DLN 2.0 memberi **penekanan terhadap pemerksaan industri landskap dan pembangunan modal insan** melalui inisiatif berkaitan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi mampan serta membuka peluang kerjaya yang kompetitif.

Perspektif Dasar dan Polisi dalam Pembentukan DLN 2.0



Agenda Pembangunan Mampan *Sustainable Development Goals (SDGs)*



Matlamat 11 :
Bandar dan Komuniti
yang Mampan

Pembangunan landskap secara komprehensif terutama di kawasan penempatan dan perbandaran yang mempertimbang pemeliharaan sumber landskap semulajadi serta memberi penekanan terhadap reka bentuk sejagat, selamat, berdaya tahan dan mampan.

DLN 2.0

Matlamat ini merupakan agenda utama yang digariskan dalam pembentukan prinsip DLN 2.0 sebagai tonggak kepada pembentukan Strategi dan Pelan Tindakan ke arah **bandar dan komuniti yang berdaya tahan serta mampan.**



Matlamat 13 :
Tindakan Iklim

Penyelarasan polisi dan pembangunan landskap yang memperkukuhkan kapasiti daya tahan serta upaya adaptasi perubahan iklim.

DLN 2.0

DLN 2.0 **menumpukan aspek pembangunan landskap yang memainkan peranan penting dalam menghadapi cabaran perubahan iklim,** termasuk pengurangan risiko bencana dan pemulihan ekosistem bagi menjamin kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam sekitar.

Perspektif Dasar dan Polisi dalam Pembentukan DLN 2.0



Agenda Pembangunan Mampan *Sustainable Development Goals (SDGs)*



Matlamat 14 :
Kehidupan di bawah
Air

Pemeliharaan ekosistem marin melalui pengendalian sumber landskap semula jadi kawasan pinggir pantai.

DLN 2.0

Aspek **pemeliharaan sumber landskap semula jadi** termasuk kawasan pinggir pantai diberi perhatian khusus dalam pembentukan insiatif yang digariskan dalam DLN 2.0.



Matlamat 15 :
Kehidupan di Darat

Mengintegrasikan ekosistem dan biodiversiti melalui pengurusan pembangunan bersepadu berasaskan pendekatan karakter landskap.

DLN 2.0

DLN 2.0 **mengintegrasikan elemen alam sekitar dalam pembangunan sosial dan ekonomi**, selain menekankan pemuliharaan ekosistem persekitaran mampan serta penglibatan komuniti dalam memelihara persekitaran daratan yang kondusif.

Keperluan Kesenambungan Dasar Landskap Negara 2.0

Dasar Landskap Negara 2.0 (DLN 2.0) merupakan kesinambungan kepada Dasar Landskap Negara (DLN). Pelaksanaan DLN yang mengandungi 7 Teras, 16 Strategi dan 74 Pelan Tindakan berteraskan visi 'Malaysia Negara Taman Terindah Menjelang Tahun 2020' telah dinilai dengan pencapaian 83.27%. Audit prestasi pencapaian dasar pada tahun 2023 mendapati terdapat 16 Pelan Tindakan yang berada di bawah pencapaian 80%. Inisiatif yang digariskan dalam DLN perlu diteruskan dengan menambahbaik sebagai kesinambungan usaha untuk membawa kesejahteraan kepada rakyat berteraskan Visi dan Misi DLN 2.0.

Selain itu, evolusi pembangunan landskap negara dan global telah mengangkat peranan kepentingan landskap yang tidak hanya dinilai dari sudut rekreasi dan estetik semata-mata, namun turut berkembang dalam memberikan sumbangan terhadap pembangunan ekonomi berteraskan modal ekonomi hijau. Keterdedahan rakyat terhadap isu-isu seperti perubahan iklim, risiko bencana alam dan keperluan pemuliharaan sumber landskap semula jadi sebagai khazanah negara telah mengubah persepsi mengenai kepentingan landskap.

Kini, kepentingan landskap dinilai bukan hanya sebagai elemen gaya hidup, tetapi juga merupakan keperluan dalam penyelesaian isu alam sekitar. Perkembangan ini membawa kepada keperluan untuk menyelaraskan kembali usaha yang telah dimulakan melalui DLN untuk diteruskan dalam DLN 2.0 sebagai agenda nasional untuk membawa negara ke arah pembangunan mampan berasaskan kepada landskap berkualiti dan komprehensif.



Isu dan Cabaran

Pembangunan landskap negara adalah satu proses yang dinamik dan sentiasa berevolusi selaras dengan keperluan serta perkembangan isu semasa. Seiring dengan penekanan terhadap kepentingan pembangunan landskap dalam agenda nasional dan antarabangsa serta keterdedahan masyarakat yang semakin meningkat, peranan dan sumbangan landskap dilihat semakin penting terutama dalam meningkatkan kualiti hidup dan persekitaran, selain menyumbang dari sudut sosial, ekonomi dan alam sekitar. Justeru, isu dan cabaran dalam pembangunan landskap perlu dikenal pasti serta ditangani termasuk:



i. Pengukuhan Industri

Menjadikan industri landskap sebagai penyumbang ekonomi negara berdasarkan faktor-faktor seperti:

- kekurangan daya saing dan sumbangan ekonomi industri landskap negara; dan
- ketiadaan rantaian nilai lengkap bagi menyokong setiap aktiviti (huluan, pertengahan dan hiliran) pembangunan industri landskap.

ii. Pembangunan Landskap dan Kelestarian Alam Sekitar

Memperinci peranan landskap dalam pembangunan dan pengurusan alam sekitar mampan yang mengambil kira:

- ketidakseimbangan pembangunan fizikal dalam persekitaran kehidupan masyarakat Malaysia; dan
- komitmen dan usaha yang kurang menyeluruh dalam menjaga alam semula jadi untuk pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti sedia ada.

iii. Kesejahteraan Masyarakat

Mengiktiraf nilai kepentingan landskap dalam kesejahteraan masyarakat berdasarkan keperluan untuk:

- menangani ancaman bagi melindungi keselamatan dan kesejahteraan masyarakat; dan
- menyelesaikan isu kekurangan kebolehcapaian kemudahan rekreasi awam dan kawasan lapang terutama bagi kawasan luar bandar serta perumahan rakyat.

iv. Pembudayaan Landskap sebagai Gaya Hidup Masyarakat

Membudayakan landskap sebagai gaya hidup masyarakat berdasarkan faktor:

- kurang kesedaran tentang nilai dan kepentingan landskap dalam kalangan masyarakat; dan
- keperluan untuk memastikan program pendidikan landskap yang lebih komprehensif untuk pembudayaan landskap dan penghijauan sebagai gaya hidup.

v. Tadbir Urus dan Pembangunan Modal Insan

Menjadikan perkhidmatan landskap negara yang berkesan dengan mengambil kira aspek:

- tadbir urus perkhidmatan landskap yang tidak menyeluruh dan kekangan sumber manusia berkemahiran dalam bidang landskap; dan
- ketiadaan undang-undang yang khusus berkaitan perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap.



RANGKA KERJA DASAR LANDSKAP NEGARA 2.0

- Pernyataan Dasar
 - Prinsip DLN 2.0
 - Objektif DLN 2.0
 - Misi
 - Visi
 - Kerangka DLN 2.0
- 
- A large, light-colored, stylized number '2' graphic is positioned on the right side of the page, partially overlapping the dark teal background.



Rangka Kerja Dasar Landskap Negara 2.0

Kerangka kerja DLN 2.0 yang merangkumi **penyataan dasar, prinsip, objektif, teras dan strategi** akan berfungsi sebagai **panduan untuk pembangunan negara yang mampan** melalui penyediaan landskap berkualiti, seterusnya meningkatkan daya tahan dalam menghadapi cabaran semasa.

DLN 2.0 yang diolah bagi menggantikan Dasar Landskap Negara (DLN), adalah merupakan kesinambungan komitmen Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara mampan dari sudut pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan persekitaran melalui inisiatif perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap secara inklusif.

Penyataan Dasar

“

Menjadikan Malaysia Negara Mampan melalui pemantapan peranan dan fungsi landskap sebagai industri yang menyumbang kepada ekonomi negara, peningkatan kesejahteraan masyarakat, kemampanan alam sekitar, gaya hidup dan keberkesanan perkhidmatan landskap negara.

”



Prinsip DLN 2.0

Penyediaan DLN 2.0 adalah berlandaskan kepada prinsip yang jitu dan jelas dalam memastikan setiap strategi dan pelan tindakan yang digariskan dapat dilaksanakan sepenuhnya. Kata kunci utama yang menjadi asas DLN 2.0 adalah **ekonomi industri landskap, pembangunan landskap, kesejahteraan masyarakat, pembudayaan gaya hidup landskap dan perkhidmatan landskap**.

Lima (5) prinsip DLN 2.0 adalah seperti yang berikut:



1 Industri landskap

- Pertumbuhan industri landskap yang berdaya maju sebagai penyumbang terhadap pembangunan rangkaian ekonomi negara.



2 Keseimbangan pembangunan

- Keseimbangan dan keharmonian landskap dalam pembangunan persekitaran yang menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).



3 Pemeliharaan dan pemuliharaan sumber landskap semula jadi

- Sumber landskap semula jadi sebagai aset negara yang perlu dipelihara, dipulihara dan diuruskan secara mampan.



4 Persekitaran hidup kondusif

- Pewujudan persekitaran kehidupan yang kondusif dan seimbang dapat menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi serta pembentukan masyarakat yang sejahtera.



5 Keberkesanan perkhidmatan landskap

- Pemantapan modal insan yang kompeten dan penyediaan tatakelola pengurusan landskap yang berkesan.

Objektif DLN 2.0



Berdasarkan kepada prinsip-prinsip Dasar Landskap Negara 2.0, **lima (5) objektif utama** yang menjadi tonggak utama dasar ini adalah seperti yang berikut:

1

Memacu industri landskap sebagai penyumbang ekonomi negara



2

Mengiktiraf peranan landskap dalam kesejahteraan masyarakat



3

Memperkasa kepentingan landskap dalam pembangunan dan pengurusan alam sekitar mampan



4

Membudayakan gaya hidup landskap



5

Memperkasa keberkesanan perkhidmatan landskap negara






VISI


Ke arah Malaysia negara mampan dengan pembangunan landskap berkualiti menjelang tahun 2035.

MISI

Memastikan pembangunan landskap negara yang komprehensif, berkualiti dan mampan melalui tadbir urus terancang, pemantapan sektor industri landskap dan pemerkasaan keseimbangan biodiversiti.

Kerangka DLN 2.0





DASAR LANDSKAP NEGARA 2.0

- Teras 1 : Daya Saing Ekonomi Industri Lanskap
- Teras 2 : Pembangunan Lanskap Mampan
- Teras 3 : Lanskap Pemangkin Kesejahteraan Masyarakat
- Teras 4 : Pembudayaan Gaya Hidup Lanskap
- Teras 5: Tadbir Urus Perkhidmatan Lanskap Berkesan



Dasar Landskap Negara 2.0 (DLN 2.0)

DLN 2.0 ini disangga oleh lima (5) teras strategik yang saling berkaitan dan mempunyai hubungan dinamik antara satu sama lain. Pencapaian sesuatu teras strategik akan memberi kesan terhadap teras strategik yang lain. Asas kukuh teras strategik ini akan membantu membangunkan bidang strategik utama dalam industri landskap negara.





TERAS 1

**DAYA SAING
EKONOMI INDUSTRI
LANDSKAP**



TERAS 01

DAYA SAING EKONOMI INDUSTRI LANDSKAP



Industri landskap yang merangkumi enam (6) sektor ekonomi (berdasarkan Piawai Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Versi 1 iaitu (i) pertanian, perhutanan dan perikanan, (ii) pembuatan, (iii) pembinaan, (iv) perdagangan borong dan runcit, (v) aktiviti profesional, saintifik dan teknikal, serta (vi) pentadbiran dan perkhidmatan sokongan merupakan sektor baharu yang dikenal pasti berpotensi untuk dijadikan sebagai penyumbang ekonomi negara, dengan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM29 billion pada tahun 2022. Kajian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2022) yang mendapati terdapat sebanyak 26,000 entiti perniagaan di Malaysia mempunyai kaitan secara langsung dengan industri landskap turut membuktikan kepentingan peranan industri landskap kepada nilai ekonomi negara.

Menyedari kepentingan industri landskap sedia ada pada masa ini terhadap nilai ekonomi negara, fokus khusus perlu diberikan untuk memperkasa dan mempertingkatkan daya saing industri landskap sebagai satu industri yang turut berperanan dalam menyumbang pembangunan ekonomi negara. Industri landskap perlu diberikan satu kaedah baharu

bagi memastikan ia bukan sahaja tertumpu kepada pasaran domestik malah dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

Keutamaan juga perlu diberikan terhadap usaha untuk menjana pelaburan dan peningkatan perdagangan berasaskan industri landskap. Usaha untuk mempertingkatkan inovasi dan pengeluaran produk serta perkhidmatan baharu berkaitan landskap perlu dipergiatkan.

Selain itu menyedari kaitan rapat antara industri landskap dengan sektor pelancongan khususnya pelancongan berasaskan sumber semula jadi, sejarah dan warisan budaya, usaha untuk mempertingkatkan penjanaan ekonomi industri landskap melalui pelancongan landskap juga perlu diperkembangkan.

Sehubungan itu, strategi yang dirangka dalam Teras 1 ini memberi penekanan kepada kaedah dan tindakan bagi memacu industri landskap negara, meningkatkan pelaburan berasaskan landskap, memupuk inovasi dan pengeluaran produk baharu serta penjanaan ekonomi melalui pelancongan landskap.

TERAS
01

DAYA SAING EKONOMI INDUSTRI LANDSKAP



Strategi
1.1

Memacu industri landskap negara

Keberkesanan tadbir urus dikenal pasti sebagai satu perkara yang amat penting bagi memastikan kebolehpayaan industri landskap negara bersaing dalam pasaran negara dan antarabangsa. Oleh itu, tadbir urus industri landskap perlu diperkasakan di peringkat Kerajaan bagi tujuan tersebut. Selain itu, dalam usaha untuk memacu industri landskap, pembangunan *platform*/pangkalan data landskap juga perlu diberikan keutamaan bagi tujuan penambahbaikan ekosistem industri landskap itu sendiri.

Strategi
1.2

Meningkat pelaburan dan perdagangan berasaskan landskap

Bagi tujuan menjadikan industri landskap sebagai penyumbang ekonomi negara; usaha perlu dipertingkatkan untuk menarik pelaburan dan perdagangan. Usaha untuk memelopori dan mengenal pasti peluang pasaran perlu dipergiatkan sama ada di peringkat pasaran domestik atau di pasaran antarabangsa. Misi akselerasi perdagangan dan pelaburan perlu dimanfaatkan sebagai *platform* kepada penggiat industri landskap memperluas pemasaran dan jaringan perdagangan. Promosi perdagangan juga perlu diperkemaskan, selain melaksanakan penilaian berkaitan limpahan ekonomi impak daripada perkembangan industri landskap negara.



TERAS 01

DAYA SAING EKONOMI INDUSTRI LANDSKAP



Strategi 1.3

Memupuk inovasi dan pengeluaran produk baharu

Untuk membolehkan produk dan perkhidmatan industri landskap bersaing secara optimum di pasaran; usaha untuk memupuk inovasi dalam penghasilan produk baharu perlu dipergiatkan. Penggiat industri landskap negara perlu bersedia menggunakan aplikasi sains, teknologi dan inovasi terkini untuk meningkatkan keupayaan penawaran produk dan perkhidmatan. Pihak berkepentingan dalam industri landskap negara juga perlu membantu dalam membangunkan piawaian yang dapat diterima sebagai penanda aras kepada kualiti produk dan perkhidmatan berkaitan industri landskap.

Strategi 1.4

Menjana ekonomi melalui pelancongan landskap

Sektor pelancongan berasaskan landskap di Malaysia sememangnya mempunyai daya tarikan tersendiri dan berpotensi untuk diketengahkan sebagai satu produk industri landskap negara. Bertujuan untuk menjadikan pelancongan landskap sebagai satu produk ekonomi, fokus perlu diberikan kepada penganjuran program *flagship* dan usaha untuk meningkatkan nilai ekonomi pelancongan landskap bagi menarik penyertaan pelabur dan pihak berkepentingan dalam industri pelancongan.





Strategi 1.1 **Memacu Industri Landskap Malaysia**

	Pelan Tindakan	Agensi Berkaitan	Tahun Pelaksanaan
1.1.1	Memperkasa tadbir urus industri landskap Malaysia	JLN MITI PBN PBT	Jangka Panjang: 2025 - 2035
1.1.2	Membangun <i>platform/pangkalan</i> data dan menambahbaik ekosistem industri landskap Malaysia	JLN DOSM PBN PBT	Jangka Panjang: 2025 - 2035

Strategi
1.2

Meningkat Pelaburan dan Perdagangan Berasaskan Landskap



Pelan Tindakan

Agensi Berkaitan

Tahun Pelaksanaan

1.2.1

Mempelopori dan mengenal pasti peluang pasaran bagi produk dan perkhidmatan industri landskap Malaysia ke pasaran antarabangsa

JLN
MITI
MIDA
MATRADE
Penggiat Industri

Jangka Panjang:
2025 - 2035

1.2.2

Meningkatkan peluang pasaran bagi produk dan perkhidmatan industri landskap Malaysia di pasaran domestik

JLN
KPKM
Penggiat Industri

Jangka Panjang:
2025 - 2035

1.2.3

Menilai limpahan ekonomi industri landskap Malaysia

JLN
IPTA/IPTS

Jangka
Sederhana:
2025 - 2030

**Strategi
1.3**

Memupuk Inovasi dan Pengeluaran Produk Baharu



Pelan Tindakan

Agensi Berkaitan

**Tahun
Pelaksanaan**

1.3.1

Membangunkan produk industri lanskap melalui penggunaan aplikasi sains, teknologi dan inovasi terkini

JLN
MOSTI
KPT
DOA
FRIM
MARDI
PBT
IPTA/IPTS

Jangka Panjang:
2025 - 2035

1.3.2

Membangun piawaian industri lanskap

JLN
MOSTI
JKR
DOSM
JSM
SIRIM
MPC
CIDB

Jangka
Sederhana:
2025 - 2030

Strategi
1.4

Menjana Ekonomi Melalui Pelancongan Landskap



Pelan Tindakan

Agensi Berkaitan

Tahun
Pelaksanaan

1.4.1

Menganjur program *flagship* berasaskan landskap

JLN
MARDI
PBT
IPTA/IPTS

Jangka Panjang:
2025 - 2035

1.4.2

Meningkat nilai ekonomi pelancongan landskap

JLN
MOTAC
PBN
PBT

Jangka Panjang:
2025 - 2035





TERAS 2

**PEMBANGUNAN
LANDSKAP MAMPAN**



TERAS 02

PEMBANGUNAN LANDSKAP MAMPAN



Meneruskan falsafah Dasar Landskap Negara, berasaskan pernyataan yang berikut:

Kita perlu memastikan **sumber-sumber** kita yang berharga **tidak dibazirkan**. Tanahnya **kekal subur** dan produktif, airnya **tidak tercemar**, sumber-sumber hutannya mampu **dijana semula untuk memenuhi keperluan pembangunan negara**. Keindahan tanah air ini tidak seharusnya dirobek; demi kebaikannya mahupun untuk kelangsungan ekonomi kita.

Dasar Landskap Negara 2.0 memberi penekanan khusus terhadap keperluan pembangunan landskap sebagai tonggak yang mendasari Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) di Malaysia. Bagi mencapai matlamat tersebut, pembangunan landskap yang merangkumi aspek perancangan, pembangunan, pelaksanaan serta pengurusan dan penyelenggaraan perlu diperkukuhkan. Selain itu, kerjasama semua pemegang taruh dan pihak berkepentingan berkaitan landskap sama ada di peringkat Kerajaan, NGO, Institusi Pendidikan dan agensi swasta perlu dipertingkatkan melalui jalinan kerjasama strategik bagi mewujudkan satu ekosistem pembangunan landskap mampan yang inklusif.

Sehubungan itu, **3 Strategi dan 15 Pelan Tindakan** telah dirangka khusus untuk menyokong kepada kejayaan pencapaian Teras 2 : Pembangunan Landskap Mampan. Implimentasi kesemua Strategi dan Pelan Tindakan ini diharapkan akan dapat mewujudkan pembangunan landskap negara yang berkualiti dan berfungsi demi manfaat serta kesejahteraan rakyat Malaysia.

TERAS
02PEMBANGUNAN
LANDSKAP MAMPANStrategi
2.1**Memantapkan
perancangan landskap**

Sebagai satu aspek penting dalam menghasilkan pembangunan mampan, perancangan landskap perlu dimantapkan. Aspek perancangan landskap yang telah dikenal pasti merangkumi penyediaan dan penggunapakaian dokumen perancangan landskap serta piawaian berkaitan landskap. Aspek lain perancangan landskap seperti penyediaan kemudahan yang mencukupi, pelaksanaan kaedah perancangan bagi pengurangan karbon di kawasan bandar, memperluas kawasan landskap sebagai kawasan biodiversiti, perlindungan kawasan hijau dan kawasan sumber landskap semula jadi juga perlu diberikan penekanan khusus bagi memastikan wujudkan perancangan landskap yang holistik dengan aplikasi penggunaan teknologi terkini, inovasi dan konsep pembangunan mesra alam dapat diwujudkan.

Strategi
2.2**Memperkasa dan
memperluas Program
Pembangunan Landskap**

Teras kepada kewujudan negara mampan adalah kemampanan pembangunan. Dalam hal ini, program pembangunan landskap perlu diperkasakan dan diperluaskan di semua peringkat Kerajaan (iaitu Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan) serta pihak berkepentingan berkaitan landskap. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program, kerjasama rentas perlu dilaksanakan selain daripada mempergiatkan pembangunan di kawasan tumpuan awam dan pemuliharaan di kawasan landskap semula jadi.

02 PEMBANGUNAN LANDSKAP MAMPAN



Strategi 2.3

Memperkukuh sumber dana pengurusan dan penyelenggaraan landskap

Kemampuan pembangunan landskap amat dipengaruhi oleh keupayaan untuk melaksanakan pengurusan dan penyelenggaraan dengan berkesan di mana memerlukan sumber dana yang kukuh. Bagi tujuan ini kaedah perkongsian pintar dalam mewujudkan sumber dana yang melibatkan kerjasama strategik antara agensi Kerajaan dengan agensi swasta/pemaju/NGO adalah amat diperlukan.





Strategi 2.1 Memantapkan Perancangan Landskap



	Pelan Tindakan	Agensi Berkaitan	Tahun Pelaksanaan
2.1.1	Memperkemas dan memperkasa dokumen perancangan landskap	JLN PBT	Jangka Panjang: 2025 - 2035
2.1.2	Menetapkan sekurang-kurangnya 30% kawasan hijau dikekalkan di seluruh negara	JLN PLANMalaysia PBN PBT Agensi Swasta	Jangka Panjang: 2025 - 2035
2.1.3	Meningkatkan aksesibiliti ke kawasan landskap	JLN PBN PBT Agensi Swasta Pemaju / REHDA	Jangka Panjang: 2025 - 2035

Pelan Tindakan	Agensi Berkaitan	Tahun Pelaksanaan
2.1.4 Menyokong sasaran bandar rendah karbon melalui pendekatan landskap	JLN PBN PBT Agensi swasta	Jangka Panjang: 2025 - 2035
2.1.5 Meningkatkan biodiversiti landskap bandar	JLN PLANMalaysia PBN PBT Pemaju / REHDA	Jangka Panjang: 2025 - 2035
2.1.6 Melindungi kawasan hijau di kawasan perbandaran	JLN PLANMalaysia PBN PBT	Jangka Panjang: 2025 - 2035
2.1.7 Melindungi kawasan sumberjaya landskap bernilai tinggi	JLN KKDW NRES PLANMalaysia JPSM FDS SFD JPS JWN PERHILITAN PBN PBT	Jangka Panjang: 2025 - 2035
2.1.8 Mengaplikasikan penggunaan teknologi, inovasi dan konsep pembangunan mesra alam	JLN PBN PBT Pemaju / REHDA	Jangka Panjang: 2025 - 2035

**Strategi
2.2**

Memperkasa dan Memperluas Program Pembangunan Landskap



	Pelan Tindakan	Agensi Berkaitan	Tahun Pelaksanaan
2.2.1	Memperluas Program Landskap Negara	JLN PBN PBT	Jangka Panjang: 2025 - 2035
2.2.2	Memperluas Program Pembangunan Landskap di peringkat Negeri dan PBT	JLN PBN PBT Agensi swasta	Jangka Panjang: 2025 - 2035
2.2.3	Melaksana inisiatif projek landskap oleh pihak swasta/pemaju	Agensi swasta Pemaju / REHDA	Jangka Sederhana: 2025 - 2030

	Pelan Tindakan	Agensi Berkaitan	Tahun Pelaksanaan
2.2.4	Melaksana kerjasama rentas Kementerian/agensi dalam pelaksanaan program pembangunan landskap	JLN KKDW KKR NRES PBN PBT Agensi Swasta	Jangka Panjang: 2025 - 2035
2.2.5	Mempergiat pembangunan kawasan pelancongan berasaskan landskap	JLN MOTAC JWN PBN PBT Agensi Swasta	Jangka Panjang: 2025 - 2035
2.2.6	Memulihara kawasan landskap semula jadi yang berpotensi bagi tujuan pelancongan	JLN MOTAC JPSM SFD FDS PBN PBT	Jangka Sederhana: 2025 - 2030

Strategi
2.3

Memperkuat Sumber Dana Pengurusan dan Penyelenggaraan Lanskap



Pelan Tindakan

2.3.1

Melaksana kerjasama strategik antara pihak swasta/ pemaju / NGO bagi pembangunan sumber dana lanskap

Agensi Berkaitan

JLN
PBN
PBT
Agensi Swasta/pemaju

Tahun Pelaksanaan

Jangka Panjang:
2025 - 2035



TERAS 3

**LANDSKAP PEMANGKIN
KESEJAHTERAAN
MASYARAKAT**



TERAS 03

LANDSKAP PEMANGKIN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT



Kesejahteraan masyarakat merupakan satu aspek penting yang menjadi pengukur kepada kejayaan pelaksanaan konsep kemampunan pembangunan. Hal ini kerana masyarakat adalah penerima akhir sesuatu produk atau perkhidmatan, di mana mereka menilai kebaikan atau keburukan berdasarkan persepsi atau pengalaman yang dirasai. Adalah amat penting untuk landskap diposisikan sebagai faktor yang mempengaruhi kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya, sebagaimana penemuan para ilmuan yang mengesahkan kepentingan landskap dalam hal ini.

Oleh itu, Teras 3 Dasar Landskap Negara 2.0 memberikan perhatian khusus kepada usaha-usaha yang perlu dilaksanakan melalui pendekatan landskap untuk dijadikan pemangkin kepada peningkatan kualiti kesejahteraan masyarakat. Keselamatan, kesihatan, kemiskinan bandar dan persekitaran kehidupan merupakan empat (4) aspek utama kesejahteraan masyarakat yang dihasratkan dapat dipertingkatkan melalui pelaksanaan Strategi dan Pelan Tindakan yang telah ditetapkan.



LANDSKAP PEMANGKIN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT



Strategi 3.1

Meningkatkan keselamatan masyarakat melalui pendekatan perancangan landskap

Isu keselamatan terutamanya kawasan perbandaran sering mengganggu ketenteraman masyarakat. Dalam hal ini, pendekatan landskap dapat meningkatkan keselamatan masyarakat. Melalui perancangan, reka bentuk dan pengurusan landskap yang berkesan dan berfungsi, landskap telah dibuktikan dapat mengubah kawasan *blackspot* dan *hotspot* menjadi kawasan yang selamat dan selesa serta berdaya huni. Aplikasi pendekatan landskap juga dapat meningkatkan rangkaian mobiliti yang selamat, meminimalkan risiko kegagalan pokok, risiko kemalangan dan risiko bencana alam.

Strategi 3.2

Meningkatkan kualiti kesihatan masyarakat melalui pendekatan landskap

Strategi ini bertujuan meningkatkan kualiti kesihatan masyarakat melalui pendekatan landskap, fokus diberikan kepada penghasilan konsep reka bentuk landskap yang boleh diaplikasikan di lapangan serta meningkatkan penglibatan masyarakat dalam program dan aktiviti berkaitan landskap. Aplikasi konsep reka bentuk landskap, seperti konsep terapeutik dan penyembuhan (*healing*), dikenal pasti mampu menjadi pemangkin bagi peningkatan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat. Sementara itu, penglibatan aktif masyarakat dalam program dan aktiviti landskap memberikan impak langsung kepada peningkatan tahap kesihatan mental dan fizikal.



TERAS 03

LANDSKAP PEMANGKIN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT



Strategi 3.3

Mengurangkan jurang kemiskinan masyarakat melalui pendekatan landskap


Menangani kemiskinan bandar merupakan isu masyarakat yang diberikan penekanan khusus dalam Dasar Landskap Negara 2.0. Isu ini berpotensi untuk ditangani melalui pendekatan landskap. Program penjana ekonomi landskap merupakan aspek yang akan difokuskan bagi mencapai objektif pengurangan jurang kemiskinan masyarakat.

Strategi 3.4

Meningkatkan kualiti persekitaran kehidupan

Kebolehpayaan masyarakat untuk akses kepada persekitaran kehidupan yang berkualiti bukan lagi satu keistimewaan tetapi ia merupakan satu keperluan asas. Masyarakat berhak kepada persekitaran kehidupan berkualiti yang menjadi sebahagian daripada ekosistem habitat masyarakat itu sendiri. Bagi tujuan itu, fokus diberikan kepada meningkatkan ruang landskap di kawasan berkepadatan tinggi atau di kawasan perbandaran serta memperluaskan jaringan landskap di kawasan luar bandar.





Strategi 3.1 **Meningkatkan Keselamatan Masyarakat Melalui Pendekatan Perancangan Landskap**



Pelan Tindakan	Agensi Berkaitan	Tahun Pelaksanaan
3.1.1 Pemutihan kawasan <i>blackspot</i> dan <i>hotspot</i>	JLN KPKT PBN PBT	Jangka Sederhana: 2025 - 2030
3.1.2 Menyediakan rangkaian selamat dalam bandar	JLN KPKT KPT JKM PBN PBT IPTA/IPTS	Jangka Sederhana: 2025 - 2030

	Pelan Tindakan	Agensi Berkaitan	Tahun Pelaksanaan
3.1.3	Meminimumkan risiko kegagalan pokok	JLN JPSM FRIM PBN PBT PArM NGO Agensi Swasta/Pemaju	Jangka Panjang: 2025 - 2035
3.1.4	Mengurangkan risiko kemalangan di kawasan hijau	JLN JPSM JPS FRIM PBN PBT Agensi Swasta/Pemaju	Jangka Sederhana: 2025 - 2030
3.1.5	Meminimumkan kesan risiko bencana alam melalui pendekatan landskap	JLN KPKT KKR NRES PETRA NADMA JPS JMG PBN PBT IPTA/IPTS Agensi Swasta/Pemaju	Jangka Panjang: 2025 - 2035

Strategi
3.2

Meningkatkan Kualiti Kesihatan Masyarakat Melalui Pendekatan Landskap



Pelan Tindakan

Agensi Berkaitan

Tahun Pelaksanaan

3.2.1

Mengaplikasikan konsep reka bentuk landskap yang dapat memberi impak kepada kesihatan masyarakat

JLN
KKM
KKR
KPM
PBN
PBT

Jangka Panjang:
2025 - 2035

3.2.2

Meningkatkan penglibatan masyarakat di kawasan landskap

JLN
KBS
PBT
NGO
Agensi Swasta
Persatuan Komuniti

Jangka Panjang:
2025 - 2035

Strategi
3.3

Mengurangkan Jurang Kemiskinan Masyarakat Melalui Pendekatan Landskap



Pelan Tindakan

Agensi Berkaitan

Tahun
Pelaksanaan

3.3.1

Melaksana inisiatif penjanaan ekonomi komuniti

JLN
KPKT
DOA
JKT
JKM
PBN
PBT
NGO

Jangka
Sederhana:
2025 - 2030

Strategi
3.4

Meningkatkan Kualiti Persekitaran Kehidupan



Pelan Tindakan

Agensi Berkaitan

Tahun Pelaksanaan

3.4.1

Meningkatkan ruang landskap di kawasan berkepadatan tinggi

JLN
KPKT
JPN
PR1MA
PBN
PBT
Pemaju

Jangka Panjang:
2025 - 2035

3.4.2

Memperluaskan jaringan landskap di kawasan luar bandar

JLN
KKDW
PBN
PBT

Jangka Panjang:
2025 - 2035



TERAS 4

**PEMBUDAYAAN GAYA
HIDUP LANDSKAP**



TANGGA PUTRAJAYA STEPS

TERAS 04

PEMBUDAYAAN GAYA HIDUP LANDSKAP



Bermula dengan ‘Pembudayaan Kecintaan Terhadap Landskap’ seperti mana yang dinyatakan di dalam Dasar Landskap Negara, kepentingan dan peranan landskap sebagai satu budaya perlu diperluas dengan pengenalan ‘Pembudayaan Gaya Hidup Landskap’. Dasar Landskap Negara 2.0 memperluaskan usaha untuk menjadikan landskap sebagai satu budaya dan gaya hidup melalui Teras 4: Pembudayaan Gaya Hidup Landskap.

Teras 4 menggariskan **tiga (3) strategi** dengan **empat (4) pelan tindakan** yang merangkumi usaha meningkatkan kesedaran serta penglibatan masyarakat dan komuniti secara langsung dalam program pendidikan, kesedaran, serta pemuliharaan landskap. Ini juga termasuk peningkatan kerjasama strategik antara pihak berkepentingan dan pemegang taruh serta pengukuhan pelaksanaan Kebun Komuniti Bandar.



TERAS 04

PEMBUDAYAAN GAYA HIDUP LANDSKAP



Strategi 4.1

Meningkatkan kerjasama strategik dengan pemegang taruh

Dalam usaha untuk menjadikan landskap sebagai satu budaya, kerjasama daripada semua peringkat masyarakat dan Kerajaan adalah amat diperlukan. Oleh itu, bagi meningkatkan kerjasama strategik semua pemegang taruh dalam program dan aktiviti berkaitan landskap perlu diperkasakan. Platform kerjasama perlu diwujudkan bagi membolehkan semua pemegang taruh melaksanakan tanggungjawab sosial dengan lebih berkesan dan masyarakat dapat menerima manfaat dengan sebaiknya.

Strategi 4.2

Pemantapan program pendidikan landskap

Generasi menyintai landskap merupakan pemangkin utama bagi mencapai Malaysia menjadi negara mampan. Seajar itu, penekanan diberikan untuk memperkukuh inisiatif pendidikan bagi meningkatkan kualiti sistem pendidikan dan latihan yang bersepadu dari peringkat awal kanak-kanak sehingga ke institusi pengajian tinggi. Selain itu, pemantapan program pendidikan landskap juga perlu diperluaskan kepada aktiviti penyelidikan, pembangunan dan inovasi untuk melonjakkan era pembangunan landskap mampan.



TERAS 04

PEMBUDAYAAN GAYA HIDUP LANDSKAP



Strategi 4.3

Menggiatkan program pembudayaan landskap dan penghijauan di peringkat komuniti

Keterlibatan komuniti setempat adalah penentu kepada kejayaan program berasaskan peningkatan kesedaran dan gaya hidup. Komuniti perlu terlibat secara aktif bagi memastikan setiap program dan aktiviti dapat dilaksanakan secara berkesan. Adalah dikenal pasti bahawa untuk menjayakan pembudayaan gaya hidup landskap, usaha perlu dipergiatkan bagi memastikan komuniti terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan setiap program, aktiviti dan inisiatif berkaitan landskap serta program penghijauan khususnya Kebun Komuniti Bandar. Dihasratkan dengan usaha ini, kesedaran masyarakat untuk menjadikan landskap sebagai satu budaya dan gaya hidup akan tercapai sepenuhnya.





Strategi 4.1 **Meningkatkan Kerjasama Strategik Dengan Pemegang Taruh**

	Pelan Tindakan	Agensi Berkaitan	Tahun Pelaksanaan
4.1.1	Mewujudkan <i>platform</i> kerjasama dengan agensi kerajaan, swasta dan pihak yang berkaitan	JLN KPT KPKM DOA JPT PBN PBT IPTA/IPTS NGO Pihak Komuniti	Jangka Panjang: 2025 - 2035
4.1.2	Memperkasa pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat dalam program/aktiviti pembudayaan gaya hidup landskap	JLN PBN PBT NGO Yayasan Hijau Malaysia Agensi Swasta/Pemaju	Jangka Panjang: 2025 - 2035

Strategi
4.2

Pemantapan Program Pendidikan Lanskap



Pelan Tindakan

4.2.1

Memperkasa program pendidikan lanskap

Agensi Berkaitan

JLN
KPM
JKM
IPTA/IPTS
ILAM
NGO

Tahun Pelaksanaan

Jangka Panjang:
2025 - 2035

Strategi
4.3

Menggiatkan Program Pembudayaan Lanskap dan Penghijauan di Peringkat Komuniti



Pelan Tindakan

4.3.1

Mempelbagaikan dan menggalakkan inisiatif pembudayaan lanskap di peringkat komuniti


Agensi Berkaitan

JLN
KPKT
DOA
PBN
PBT
NGO
Pihak Komuniti

Tahun Pelaksanaan

Jangka Panjang:
2025 - 2035





TERAS 5

**TADBIR URUS
PERKHIDMATAN
LANDSKAP BERKESAN**



TERAS 05

TADBIR URUS PERKHIDMATAN LANDSKAP BERKESAN



Tadbir urus perkhidmatan yang baik dan berkesan adalah kunci utama kepada kejayaan pembangunan mampan negara bagi membolehkan setiap manfaat kebaikan dari aspek penawaran perkhidmatan diterima oleh rakyat.

Sebagai satu komponen perkhidmatan negara, keberkesanan tadbir urus perkhidmatan landskap perlu dipertingkatkan dan diperkemaskan. Ini bertujuan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan dapat diberikan secara berkesan dan masyarakat menerima perkhidmatan yang terbaik.

Keberkesanan tadbir urus ini bukan sahaja melihat kepada perkhidmatan yang diberikan oleh pegawai perkhidmatan landskap yang berkhidmat di sektor Kerajaan tetapi juga profesion landskap di sektor swasta. Adalah menjadi satu keperluan untuk perkhidmatan landskap negara ditawarkan oleh pegawai yang kompeten, berkemahiran dan berpengetahuan tinggi.

Selain itu, keberkesanan tadbir urus perkhidmatan landskap juga perlu disokong dengan perundangan bagi tujuan memastikan keupayaan untuk melaksanakan tanggungjawab pengawalseliaan dan pegawai perkhidmatan landskap diberikan liabiliti serta pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang diberikan.



TERAS 05

TADBIR URUS PERKHIDMATAN LANDSKAP BERKESAN



Strategi 5.1

Memperkasa tadbir urus perkhidmatan landskap

Bertujuan untuk memberikan perkhidmatan landskap yang berkesan, keutamaan adalah untuk memperkasa struktur tadbir urus melalui penyediaan lengkap organisasi landskap di semua peringkat Kerajaan iaitu Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kepentingannya adalah untuk memastikan wujudnya sumber manusia kompeten dan berkepakaran serta dapat melaksanakan penawaran perkhidmatan secara optimum dan berkesan.

Strategi 5.2

Menggubal dan memperkasa perundangan serta pengawalseliaan landskap

Usaha untuk memastikan pembangunan negara mampan yang inklusif dan melindungi kebajikan rakyat perlu didokong dengan penyediaan sistem perundangan serta pengawalseliaan landskap yang teratur. Bagi tujuan tersebut, tiga (3) perkara berkaitan penggubalan dan perundangan landskap perlu dilaksana, iaitu mewujudkan perundangan berkaitan profesion bidang kesenibinaan landskap dan pembangunan landskap serta pengurusan landskap.



TERAS 05

TADBIR URUS PERKHIDMATAN LANDSKAP BERKESAN



Strategi 5.3

Membina upaya profesion perkhidmatan landskap

Bertujuan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan landskap yang berkesan dan peningkatan manfaat yang diterima oleh masyarakat, profesion perkhidmatan landskap merangkumi perkhidmatan di semua peringkat Kerajaan dan swasta perlu dibina upaya. Langkah ini perlu untuk menghasilkan personel yang kompeten, berkepakaran, berinovatif tinggi dan berkemahiran. Selain itu, modul pendidikan program kesenibinaan landskap juga perlu diperkasakan selain meningkatkan peningkatan perkongsian pintar, terutamanya yang berkaitan dengan teknologi dan penyelidikan landskap.

Strategi 5.4

Penarafan sektor perkhidmatan landskap

Penarafan sektor perkhidmatan landskap perlu dijadikan satu mekanisme untuk menilai dan mengukur prestasi kejayaan serta kualiti perkhidmatan landskap. Penarafan diterjemahkan melalui pengiktirafan kepada kualiti perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap serta sumbangan yang telah diberikan dalam membangunkan Pembangunan Landskap Mampan yang berkualiti dan berfungsi.





Strategi 5.1 **Memperkasa Tadbir Urus Perkhidmatan Landskap**



Pelan Tindakan	Agensi Berkaitan	Tahun Pelaksanaan
5.1.1 Memperkukuh struktur perkhidmatan landskap di semua peringkat Kerajaan	JLN KPKT JPA PBN PBT	Jangka Sederhana: 2025 - 2030

**Strategi
5.2**

**Mengubal dan Memperkasa Perundangan serta
Pengawalseliaan Landskap**



Pelan Tindakan

Agensi Berkaitan

**Tahun
Pelaksanaan**

5.2.1

Mengkaji perundangan sedia ada berkenaan dengan pekerjaan profesional bagi membolehkan profesion Arkitek Landskap dikawal selia di bawah peruntukan undang-undang

JLN
KPKT
AGC

Jangka
Sederhana:
2025 - 2030

5.2.2

Mewujud Akta Pembangunan Landskap

JLN
KPKT
AGC
PBN
PBT

Jangka Panjang:
2025 - 2035

5.2.3

Mewujudkan Undang-Undang Kecil berkenaan pengurusan dan pembangunan landskap

JLN
KPKT
PBN
PBT

Jangka Panjang:
2025 - 2035

Strategi
5.3

Membina Upaya Profesion Perkhidmatan Landskap



Pelan Tindakan

Agensi Berkaitan

Tahun Pelaksanaan

5.3.1

Memperkukuh kepakaran/kemahiran modal insan perkhidmatan landskap

JLN
MOSTI
JPA
PBT
IPTA/IPTS
ILAM
PALMA
PArM
PSAM

**Jangka Panjang:
2025 - 2035**

5.3.2

Memperkasa modul pendidikan

JLN
KPT
JPA
I-KPKT
IKBN
IPTA/IPTS
ILAM
MQA
Badan-badan yang diiktiraf dalam dan luar negara

**Jangka Panjang:
2025 - 2035**



Strategi
5.4

Penarafan Sektor Perkhidmatan Landskap



Pelan Tindakan

Agensi Berkaitan

Tahun
Pelaksanaan

5.4.1

Mengiktiraf kualiti perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap

JLN
ILAM

Jangka Panjang:
2025 - 2035

5.4.2

Penarafan/ Pengiktirafan
Pembangunan Landskap Hijau

JLN
Agensi Kerajaan
PBN
PBT
Agensi Swasta

Jangka Panjang:
2025 - 2035

TADBIR URUS DASAR LANDSKAP NEGARA 2.0

- Bidang Kuasa Pelaksanaan
- Pemantauan Dasar





Bidang Kuasa Pelaksanaan

Struktur Tadbir Urus

Struktur tadbir urus yang bersepadu dirangka bagi memantau penggubalan, pelaksanaan dan pemantauan DLN 2.0 secara menyeluruh yang merangkumi **dua (2) komponen utama** iaitu:

i. Jawatankuasa Dasar Landskap Negara (JDLN)


- JDLN berperanan untuk menyemak, memantau dan memastikan pelaksanaan dasar memenuhi skop, sasaran dan jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan.
- Pelaporan bagi pelaksanaan setiap Teras dalam DLN 2.0 akan dibentang dan dipantau dalam JDLN secara tahunan.

ii. Peneraju Teras

- Peneraju Teras dari Bahagian yang berkaitan adalah berperanan untuk merancang dan menyelaraskan inisiatif yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana di setiap Teras.



Struktur dan proses perancangan dan pemantauan dasar dalam DLN 2.0 dapat diperjelaskan seperti berikut:



Pemantauan Dasar

Pelaksanaan Dasar Landskap Negara 2.0 bagi merealisasikan visi dan misi bagi mencapai pembangunan landskap negara mampan bagi tempoh 10 tahun bermula pada tahun 2025 sehingga tahun 2035. Dasar ini perlu diselaras bagi pelaksanaan dan pemantauan secara efektif untuk memastikan Teras dan Strategi DLN 2.0 direalisasikan melalui usaha yang optimum serta komitmen yang sepenuhnya daripada semua pihak berkepentingan.

Dari segi mekanisme pelaksanaan dan pemantauan DLN 2.0, Jawatankuasa Dasar Landskap Negara (JDLN) telah dipertanggungjawab untuk memantau pencapaian pelaksanaan dasar. Laporan penilaian pelaksanaan pada setiap Teras akan dibentangkan secara berkala bagi setiap tahun kepada Jawatankuasa Semakan dan Pemantauan Dasar (JSPD) KPKT yang merupakan peringkat tertinggi dalam tadbir urus pemantauan dasar di bawah Kementerian.





RUMUSAN

- Sasaran (Aspirasi DLN 2.0)
- Kesimpulan





ONLY CHILDREN ARE PERMITTED TO USE PLAYGROUND EQUIPMENT
YOU MUST BE AT LEAST 180 CM TALL TO USE THIS EQUIPMENT



Sasaran (Aspirasi DLN 2.0)

Sumbangan Ekonomi Landskap

- Peningkatan hasil sumbangan KDNK bagi industri landskap meningkat dari 0.23% kepada 3.5% menjelang tahun 2035.

Alam Sekitar

- Pemeliharaan biodiversiti melalui pengekalan 30% kawasan hijau di seluruh negara.

Kesejahteraan Masyarakat

- Peningkatan prestasi kesejahteraan sosial dalam Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia melalui pembangunan landskap mampan.

Kesimpulan

Penyediaan DLN 2.0 dilaksanakan secara menyeluruh mencakupi semua peringkat hasil penglibatan pemegang taruh secara holistik. Langkah ini bertujuan untuk memastikan jalinan kerjasama dan komitmen semua pihak dapat dilaksanakan secara bersepadu termasuk pemantauan pelaksanaan dasar ini. Hasrat utama DLN 2.0 yang ditekankan melalui lima (5) Teras merupakan intipati bagi merealisasikan Malaysia sebagai negara yang mampan dengan pembangunan landskap berkualiti menjelang 2035.



Glosari

A

Aset semula jadi dan budaya :

Merangkumi kawasan hijau yang bernilai penting untuk warisan semula jadi dan budaya masyarakat seperti hutan hujan tropika, perkampungan tradisional dan tapak warisan geologi.

(Kajian Keperluan Kawasan Hijau Dalam Pembangunan, 2021)

B

Biodiversiti :

Konvensyen Kepelbagaian Biologi mentakrifkan biodiversiti sebagai kepelbagaian organisma hidup daripada pelbagai sumber yang meliputi antaranya ekosistem darat, laut dan akuatik serta kompleks ekologi yang menjadi sebahagian daripadanya termasuk kepelbagaian spesies, antara spesies dan ekosistem.

G

Gaya hidup :

Cara tertentu seseorang individu atau sesuatu kumpulan menjalani kehidupan (dgn agak sederhana, mewah dsb).

Gaya hidup landskap :

Suatu cara hidup yang mengintegrasikan elemen-elemen persekitaran dan landskap dalam kehidupan seharian termasuk keterlibatan dalam aktiviti pemuliharaan biodiversiti untuk meningkatkan kesejahteraan individu dan masyarakat serta memastikan kelestarian alam sekitar.

I

Industri landskap :

Aktiviti ekonomi yang meliputi pembekalan dan penyediaan bahan-bahan pembekalan dan produk landskap, serta perkhidmatan kepakaran yang menyumbang ke arah penyediaan, pembinaan dan penyelenggaraan elemen landskap secara menyeluruh.

(Dasar Landskap Negara, 2010)

Infrastruktur hijau :

Merangkumi kawasan hijau seperti landskap pinggir jalan dan laluan serta kawasan rizab utiliti dan kemudahan awam untuk masyarakat.

(Kajian Keperluan Kawasan Hijau Dalam Pembangunan, 2021)

K

Kawasan hijau :

Kawasan perbandaran yang diliputi dengan tumbuh-tumbuhan semula jadi atau tanaman. Ia terdiri dari kawasan lapang dan rekreasi, badan air, koridor infrastruktur dan utiliti, kawasan penampungan, rizab hutan, kawasan semula jadi, kawasan warisan budaya serta kawasan halaman kediaman.

(Kajian Keperluan Kawasan Hijau Dalam Pembangunan, 2021)

Glosari

Kawasan lapang :

Tanah atau suatu ruang khas yang telah dirizabkan atau diperuntukan yang berfungsi sebagaimana ditafsirkan bagi tafsiran tanah lapang menurut subseksyen 2(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, [Akta 172] meliputi sebarang bentuk aktiviti rekreasi sama ada aktif atau pasif bagi mewujudkan persekitaran yang berkualiti, rendah karbon, mampan dan memberikan keselesaan serta selamat untuk dinikmati.

(Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang, 2021)

Kawasan *blackspot* :

Kawasan yang menimbulkan perasaan tidak selamat dari segi jenayah (*fear of crime*) dan mempunyai rekod jenayah yang tinggi.

Kebun komuniti :

Aktiviti menghasilkan, memproses, memasarkan produk pertanian dan ternakan di dalam kawasan bandar. Kebun bandar/kebun komuniti diusahakan oleh individu atau komuniti setempat.

Kualiti hidup :

Merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, kecapaian dan kebebasan untuk memperolehi pengetahuan dan menikmati taraf hidup yang melebihi keperluan asas dan psikologi individu untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial.

(Unit Perancang Ekonomi : 2002)

P

Pembangunan mampan :

Pembangunan yang membolehkan generasi semasa memenuhi keperluannya tanpa mengkompromikan kemampuan generasi mendatang memenuhi keperluan mereka.

Pendidikan landskap :

Aktiviti yang berkaitan dengan pengumpulan, pembangunan dan penyebaran ilmu pengetahuan secara formal dan tidak formal dalam bidang landskap bagi melahirkan tenaga mahir dan masyarakat yang berpengetahuan dan prihatin terhadap kualiti pelandskapan alam persekitaran yang merangkumi alam bina dan alam semula jadi.

Pengurusan dan penyelenggaraan landskap :

Program dan aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan dan penyelenggaraan landskap bagi memastikan segala aspek yang berkaitan dengan pembangunan landskap mampan.

Pokok ameniti :

Tumbuhan yang ditanam di sesuatu kawasan atau tempat dengan tujuan memberi atau menyediakan kemudahan perlindungan atau keselesaan kepada manusia dari segi visual, fizikal mahupun psikologi.

(Manual Pengurusan Risiko Pokok Ameniti, 2011)

Glosari

T

Tapak warisan :

Sesuatu tapak yang ditetapkan sebagai tapak warisan di bawah Seksyen 24 .

Tapak landskap warisan :

Tapak yang mempunyai landskap bernilai tinggi dari aspek visual, saintifik, budaya dan sejarah, yang terbentuk hasil daripada peninggalan aktiviti manusia atau pembentukan semula jadi.

W

Warisan :

Generik Warisan Kebangsaan, tapak, objek dan warisan kebudayaan di bawah air sama ada disenaraikan atau tidak dalam Daftar



JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

DASAR LANDSKAP NEGARA 2.0